

454 Pelajar Sekitar Utara Berkampung di UUM

Unit Komunikasi Korporat

Telah Dihantar: 09 Julai 2011 17:40

Kepada: UUM - All Staff; UUM All Students

9 JULAI 2011/7 SYAABAN 1432H

=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

454 PELAJAR SEKITAR UTARA BERKAMPUNG DI UUM

UUM ONLINE: Seramai 454 pelajar dan 11 guru pengiring daripada 31 buah sekolah di utara meliputi Kedah, Perlis, Perak dan Pulau Pinang berkampung di Universiti Utara Malaysia (UUM) pada 8 hingga 10 Julai bagi mengikuti Kem Kecemerlangan Akademik dan Akhlak (KKAA) 2011.

Kem anjuran Biro Informasi dan Penerbitan, Dewan Penginapan Pelajar Petronas UUM ini bertujuan memberi motivasi kepada para pelajar yang bakal menduduki Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) selain memberi penekanan untuk memantapkan sahsiah dan jati diri pelajar tersebut.

Timbalan Naib Canselor (Hal Ehwal Pelajar dan Alumni), Datuk Dr Ahmad Faiz Abdul Hamid ketika merasmikan KKAA 2011 ini semalam berkata, program ini menggabungkan elemen kecemerlangan akademik dan akhlak kerana kejayaan tidak sempurna tanpa jati diri dan sahsiah yang cemerlang.

"Saya berharap anak-anak dapat memberi komitmen dan penglibatan yang baik dalam mengikuti kem ini dengan bersungguh-sungguh dan serius dengan setiap aktiviti yang dirancang sepanjang kem ini berlangsung," katanya.

Mohammad Erfhan Ikhwan Abdul Karim, 17, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Tungku Panglima Besar berkata beliau rasa bertuah kerana diberi peluang untuk mengikuti kem ini.

"Saya rasa teruja berada di UUM, bertemu ramai rakan-rakan baru dari sekolah-sekolah lain. Saya pasti akan menggunakan peluang ini sebaik mungkin untuk berkongsi ilmu di kalangan kami," katanya.

Sementara itu, Shuhusna Mohammad Shukardi, 16, dari Sekolah Menengah Kebangsaan Ibrahim berkata penganjuran kem ini merupakan persediaan awal baginya untuk menghadapi peperiksaan SPM pada tahun hadapan.